

KENYATAAN TAWARAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**TENDER PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN SOKONGAN MANAGEENGINE
ENDPOINT CENTRAL DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM)**
NO. TENDER: QT260000000021098

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Petender-petender tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berikut yang masih sah dan berkuat kuasa pada tarikh tutup tawaran ini serta mempunyai token Sistem ePerolehan (eP) yang belum luput tarikh:

210103 – *Computer Software, Operating System, Database, Off-The-Shelf Packages Including Maintenance.*

2. Butiran tender yang ditawarkan adalah seperti yang berikut:

BIL	PERKARA	BUTIRAN
1.	TAJUK TENDER DAN NOMBOR TENDER	TENDER PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN SOKONGAN MANAGEENGINE ENDPOINT CENTRAL DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM) NO. TENDER: QT260000000021098
2.	TARIKH IKLAN TENDER	22 JULAI 2026 (RABU)
3.	TARIKH TUTUP TENDER	12 OGOS 2026 (RABU)

3. Tender dilaksanakan melalui Sistem e-Perolehan secara dalam talian sepenuhnya. Petender-petender yang ingin menyertai tender ini **MESTILAH berstatus eP-enabled (mempunyai ID log masuk dan sijil digital yang telah diaktifkan)**.
4. Tawaran tender hendaklah dikunci masuk ke dalam Sistem e-Perolehan sebelum atau selewat-lewatnya jam 12:00 tengah hari pada tarikh tutup tender.
5. Cara-cara mengunci masuk ke dalam Sistem e-Perolehan
 - a. Petender hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam Dokumen Tender serta menyemak kandungan Dokumen Tender dengan **TELITI** sebelum mengunci masuk di dalam Sistem e-Perolehan. Kegagalan mematuhi mana-

mana syarat yang telah ditetapkan mengakibatkan tawaran tender tersebut tidak akan dipertimbangkan.

- b. Semua lampiran/borang dalam Sistem e-Perolehan hendaklah diisi dengan **LENGKAP DAN JELAS** serta **MEMATUHI ARAHAN** yang dinyatakan.
- c. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan membolehkan tender tersebut tidak akan dipertimbangkan/ditolak.

6. **Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:**

- a. Petender **LEWAT** menyerahkan tawaran tender dengan lengkap dalam Sistem e-Perolehan;
- b. Petender **menulis, mencatatkan atau memaparkan sebarang identiti syarikat** termasuk cop nama dan tanda syarikat di dalam dokumen sokongan/lampiran pada **dokumen teknikal** yang dikemukakan secara dalam talian.
- c. Petender **GAGAL** memuat naik dokumen wajib dengan lengkap ke dalam Sistem e-Perolehan.

7. **Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal** hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem e-Perolehan sebelum atau pada tarikh tutup tender. **Tawaran yang lewat dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem e-Perolehan tidak akan dipertimbangkan.**

8. Petender dikehendaki mengemukakan **SEMUA** dokumen sokongan yang diminta oleh pihak Kementerian dalam dokumen tender. Bagi Petender yang gagal mengemukakan kesemua dokumen yang diminta, Kementerian ini mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran Petender.

9. **Petender boleh merujuk kepada dokumen tender di dalam Sistem e-Perolehan** untuk maklumat terperinci.

10. Kementerian Pendidikan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.

11. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di portal rasmi Kementerian Pendidikan <https://www.moe.gov.my>, Sistem e-Perolehan dan MyPROCUREMENT. Petender dinasihatkan untuk sentiasa melayari portal rasmi yang dinyatakan bagi mendapatkan maklumat mengenai arahan-arahan terkini atau pindaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.